

01/01/2001

Sambutan meriah di seluruh negara

Munaarfah Abu Bakar; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - Beratus ribu warga kota pelbagai lapisan masyarakat membanjiri beberapa tempat sekitar ibu negara bagi menyambut tahun baru malam tadi.

Tumpuan utama warga kota adalah sekitar Menara Berkembar Petronas (KLCC), Jalan Bukit Bintang, zon komersial Bangsar serta Dataran Merdeka bagi menanti detik 12 malam.

Semua bangunan di sekitar bandar raya bermandikan cahaya bagi memeriahkan sambutan tahun baru yang selepas menyambut Aidilfitri dan Krismas.

Sambutan meriah pelbagai kaum malam tadi membuktikan isu perkauman yang dibangkitkan oleh pihak tertentu tidak menggugat keharmonian kaum di negara ini.

Di Jalan Bukit Bintang, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba kira-kira jam 9.30 malam untuk menyaksikan pertunjukan teno opera.

Kehadiran beliau disambut Pengarah Urusan YTL Corporation, Tan Sri Francis Yeoh. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Di KLCC lebih 100,000 orang menyaksikan sambutan tahun baru manakala remaja menghadiri beberapa konsert terbuka di Jalan Bukit Bintang dan Bangsar.

Warga kota membanjiri tempat berkenaan sejak lewat petang, menyebabkan beberapa laluan di sekitar ibu negara sesak.

Sambutan kali ini juga menyaksikan aksi 15 ahli payung terjun melakukan terjunan alaf baru dari tiga penjuru pada aras 60, 73 dan 88 Menara Berkembar Petronas sebagai acara kemuncak sambutan tahun baru.

Antara ahli payung terjun terbabit adalah dua rakyat Malaysia, Aziz Ahmad 44, dan Azlan Ismail, 48 selain penerjun dari Arab Saudi, Amerika Syarikat, Sweden dan Jerman.

Di GEORGETOWN, kemeriahan menyambut kedatangan 2001 di negeri itu bermula pertunjukan bunga api selama 10 minit di Padang Kota dengan sorakan lebih 80,000 orang yang berkumpul sejak 10 malam tadi.

Acara lebih bermakna dengan kehadiran Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang diiringi oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta Exco Pelancongan negeri, Datuk Kee Phaik Cheen.

Antara program diadakan termasuk konsert Untukmu Malaysia yang turut dijayakan oleh artis tempatan seperti Def-Gab-C dan kugiran Crosstown.

Di MELAKA, lebih 5,000 orang berkumpul di Jalan Gelanggang, bagi sama-sama meraikan sambutan tahun baru 2001.

Ketika menanti detik 12 malam, pengunjung dihidang pelbagai persembahan termasuk tarian singa, tarian kebudayaan seperti Portugis, Cina, India dan Melayu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam turut melancarkan kempen antidadah dengan slogan "katakan tidak pada ectasy".

Di IPOH, ribuan warga Ipoh sejak awal petang berkumpul di Dataran Bandaraya di sini bagi menanti detik 12 tengah malam bagi menyambut kehadiran tahun 2001.

Sempena sambutan itu, kesemua hotel di ibu negeri habis ditempah sejak beberapa hari lalu bukan saja oleh pelancong luar malah pelancong tempatan yang mengambil kesempatan mengunjungi tempat bersejarah di negeri itu.

(END)